



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

50th INTERNATIONAL COCOTECH Conference & Exhibition

7-11 November 2022 | Kuala Lumpur Convention Centre, Malaysia



*“Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy
for a Resilient and Sustainable Coconut Agroindustry”*



COCOTECH 2022

Conference & Exhibition

Platform Terbaik Kongsi Amalan
Industri Kelapa & Jaringan
Antarabangsa



PERSIDANGAN ANTARABANGSA COCOTECH KALI KE-50

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE | 7-11 NOVEMBER 2022

Negara anggota dan peserta Persidangan Antarabangsa COCOTECH 2022 mendapat pelbagai manfaat hasil perkongsian merentasi 20 negara anggota ICC dari seluruh dunia.

Selain menjadi platform terbaik untuk bertukar idea dan amalan terbaik bagi lebih memahami isu dan cabaran yang dihadapi industri kelapa, persidangan antarabangsa yang berlangsung selama empat hari bermula 7 hingga 10 November 2022 yang lalu memberi peluang kepada semua ahli dan anggota ICC serta pemain industri untuk bertemu dan menjalinkan jaringan kerjasama demi manfaat bersama.

Pameran dan Persidangan Antarabangsa kali ke-50 (COCOTECH 2022) berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) anjuran oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama International Coconut Community (ICC) dengan tema *Climate Change Adaptation and Mitigation Strategy for a Resilient and Sustainable Coconut AgroIndustry*.

COCOTECH 2022 telah mendapat sambutan di luar jangkaan dan turut dihadiri seramai 400 orang peserta terdiri daripada delegasi negara-negara ahli dan bukan ahli di bawah ICC serta pakar-pakar tanaman kelapa dari seluruh dunia.

Sebanyak 50 kertas telah dibentangkan meliputi topik, antaranya, *Policy Coherence to Climate Change Solutions for a Resilient and Sustainable Coconut Agroindustry and Farmer's Livelihood, Promoting the Development of Green Exports of Coconut Products dan Agronomic Adaptations Strategies to Climate Change*.

Sebanyak 10 usul disenaraikan hasil dari pembentangan persidangan COCOTECH 2022 antaranya, melaksanakan dasar-dasar dan program yang sesuai bagi mendepani daya tahan perubahan iklim, mengadaptasi strategi amalan agronomi yang berdaya tahan dengan sebarang perubahan iklim dan mengadaptasi strategi pembangunan genetik yang berdaya tahan dengan perubahan iklim.

Produktiviti tanaman kelapa di Malaysia menduduki tangga yang ketujuh di dunia selepas Vietnam, India dan Sri Lanka. Industri kelapa merupakan antara tiga industri penting menyumbang kepada sosio-ekonomi Malaysia yang dianggarkan seramai 65,340 keluarga petani terlibat dalam penanaman kelapa.

Tanaman kelapa merupakan komoditi utama di Malaysia selepas kelapa sawit, getah dan padi. Pada tahun 2020, keluasan penanaman kelapa adalah 84,942 hektar dengan pengeluaran per hektar sebanyak 536 juta biji yang menyumbang kepada produktiviti 6,317 biji per hektar.

MAFI melalui Jabatan Pertanian memberi tumpuan kepada empat varieti kelapa berhasil tinggi iaitu kelapa hibrid MATAG dan kelapa rendah/dwarf seperti Malayan Yellow Dwarf (MYD), Malayan Red Dwarf (MRD) dan Kelapa Pandan bagi meningkatkan pengeluaran kelapa di Malaysia.

Ini adalah bagi memastikan pengeluaran kelapa meningkat walaupun kawasan penanaman kelapa terhad. MAFI sentiasa komited dalam mengukuhkan lagi kerjasama di peringkat antarabangsa bagi terus meningkatkan daya tahan industri kelapa.



Perasmian Persidangan COCOTECH



Penutup Persidangan COCOTECH



Hari Pertama Persidangan COCOTECH



Hari Kedua Persidangan COCOTECH



Hari Ketiga Persidangan COCOTECH



Hari Keempat Persidangan COCOTECH



Lawatan Delegasi ke Linaco Manufacturing, Batu Pahat, Johor



Lawatan Delegasi ke Pusat Pertanian Pagoh, Johor

MAFI PRIHATIN TURUN PADANG KE SEKTOR PERTANIAN TERJEJAS BANJIR

PUSAT PERTANIAN MERU, KLANG | 17 NOVEMBER 2022



Pasukan MAFI Prihatin diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Haslina Abdul Hamid telah turun padang bagi meninjau beberapa kawasan pertanian yang terjejas banjir di daerah Klang.

Beberapa tapak projek di bawah seliaan Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) yang terjejas banjir telah dilawati antaranya Projek Tanaman Rock Melon yang diusahakan oleh Encik Mohd Kamal Radima, Projek Tanaman Sayur Timun yang diusahakan oleh Encik Muhammad Hasbi Assiddiqi Mohd Nasi dan Projek Ternakan Lembu yang diusahakan oleh Encik Muhd Fahrozi Alias.

Selain diberi taklimat berkaitan projek-projek yang terjejas dan anggaran nilai kerosakan, Pasukan MAFI Prihatin turut menyampaikan sumbangan kepada komuniti agromakanan yang terkesan. Hadir sama dalam sesi lawatan ini, Ketua Pengarah DOA, Dato' Zahimi Hassan, Ketua Pengarah DVS, Dr Akma Ngah Hamid serta pegawai-pegawai kanan Kementerian.

Menurut Dato' Haslina, MAFI sentiasa bersiap siaga dan cakna dengan setiap laporan hasil daripada pemantauan yang dijalankan.

Bilik Gerakan MAFI seluruh negara juga telah digerakkan serta merta bagi membantu mangsa banjir terutamanya golongan petani, penternak dan nelayan yang terjejas.

Kementerian telah menyediakan sebanyak 10 ribu Kit Bantuan berupa produk agromakanan sebagai persiapan awal untuk menyantuni komuniti dan warga tani seluruh negara. Selain itu, Jabatan dan Agensi melalui MAFI Inc turut memantau situasi dan membantu golongan sasaran yang terjejas berikutan keadaan cuaca yang sukar dijangka sepanjang musim Monsun Timur ini.

Dalam usaha membantu golongan petani, penternak dan nelayan, MAFI turut menyediakan bantuan-bantuan pasca bencana kepada kumpulan sasaran sektor pertanian dan agromakanan yang terkesan melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) bagi tanaman padi dan Program Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA) bagi aktiviti agromakanan selain tanaman padi.

Untuk rekod sehingga Oktober tahun ini, sejumlah RM13.5 juta peruntukan telah disalurkan kepada seramai 2,167 petani yang terjejas akibat bencana bagi sektor tanaman padi melalui TBTP, dan sejumlah RM39.6 juta peruntukan kepada 4,833 kumpulan sasaran yang terkesan melalui PPSPA.

Kementerian akan sentiasa memastikan kebajikan dan keselamatan golongan sasaran dengan kerjasama erat daripada semua Jabatan dan Agensi Negeri terutamanya di kawasan berisiko mengalami bencana seperti membuat hebahan awal dan melaksanakan pelan mitigasi bagi mengurangkan kerugian kepada sektor pertanian dan agromakanan.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI NEW ZEALAND KE ATAS KSU MAFI

KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE | 10 NOVEMBER 2022



Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Haslina binti Abdul Hamid telah menerima kunjungan hormat oleh Dr Bill Jolly, Chief Assurance Strategic Officer, Ministry of Primary Industries, New Zealand semasa berlangsungnya Pameran dan Persidangan Antarabangsa COCOTECH ke-50 di Kuala Lumpur Convention Centre.

Pertemuan ini adalah bersempena dengan lawatan Dr. Jolly ke Malaysia bagi membincangkan isu dua hala dalam bidang pertanian terutamanya berkaitan akses pasaran bagi produk pertanian dan agromakanan.

Malaysia akan menjadi hos bagi Mesyuarat Malaysia-New Zealand Free Trade Agreement (MNZFTA) buat kali ke-5 pada tahun 2023.



MESYUARAT KHAS TINDAKAN KOS SARA HIDUP MALAYSIA TAHUN 2022

WISMA PUTRA, PUTRAJAYA | 27 NOVEMBER 2022

Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mempengerusikan Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara Tahun 2022 bersama jabatan dan agensi kerajaan bagi membincangkan isu kos sara hidup yang menekan rakyat.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus, Pengurusan Tertinggi daripada Jabatan Perangkaan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Tenaga dan Sumber Asli antara yang hadir pada mesyuarat tersebut.

Perdana Menteri memaklumkan bahawa mesyuarat mengenai kos sara hidup itu perlu diadakan segera berikutan terdapat keperluan mendesak berhubung isu semasa yang berkaitan dengan rakyat dan negara.

Beberapa pelan tindakan segera dan jangka panjang bagi mengatasi masalah berkaitan kos sara hidup telah dibincangkan sepanjang mesyuarat berlangsung.

Perdana Menteri turut menegaskan isu kos sara hidup menjadi keutamaan kerajaan perpaduan di bawah pimpinannya bagi mengurangkan beban yang dialami rakyat pada ketika ini dan juga untuk jangka masa panjang.



LENSA MAFI



Program Pemantauan Projek Negeri dan Program Komuniti Perikanan Dun Ayer Limau | 3/11/22 | Masjid Tanah, Melaka



Program Semarak Tani di Kg Jerus Selising | 15/11/22 | Pasir Puteh, Kelantan



Program Solat Hajat Perdana MAFI bagi Menghadapi Musim Tengkujuh bersama Warga MAFI | 4/11/22 | Dewan Serbaguna MAFI



Aktiviti Menuai Sayur di Tapak Semaian Tanaman Biopintar | Business Development Centre (BDC), Wisma Tani, Putrajaya | 4/11/22



Sesi Perbincangan MAFI bersama Iskandar Regional Development Authority (IRDA) | 4/11/22 | Wisma Tani, Putrajaya



Lawatan Kerja KSU MAFI ke TM One Experience Center | 14/11/22 | TM Centre



Majlis Perasmian Persidangan Padi Kebangsaan 2022 | 22-23/11/22 | Raia Hotel & Convention Centre



Lawatan Pemantauan ke IADA Pulau Pinang | 13/11/22 | Pulau Pinang



The International Tropical Fruits Network (TFNet) 8th Session General Assembly and 14th Board of Trustee Meeting | 22/11/22 | Kedah



Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS ke-49 Tahun 2022 | 30 November 2022 | Hotel The Everly, Putrajaya

Mesyuarat Jawatankuasa Kelab MAFI2022/2024 | 2/11/22 | Wisma Tani, Putrajaya



Walkabout Program Pembangunan Petanian Komuniti Wilayah Persekutuan Putrajaya

SIDANG REDAKSI:

PENAUNG:

YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

KETUA EDITOR:

MOHAMMAD EZRI BIN SHAMSUDDIN

EDITOR:

SALMAH BINTI RAMLI

NURIL MUTMAINNAH ROSLAN

PENULIS:

SARI NOR AMRIYAH

SAIYASWARY A/P SURNARAYANA

GRAFIK:

SURAIYA HANI BINTI ZAMARI

NABILLAH ZAMRI

JURU FOTO:

MOHD NAJIB BIN ABDUL JABAR

KHAIRUL ANWAR

IDEA, KONSEP & TERBITAN:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, MAFI